

**MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN  
ANTARABANGSA 2017**

*Forests and Energy: Nature's Powerhouse*

**UCAPAN KATA-KATA ALUAN OLEH**

**YANG MULIA  
NORALINDA BINTI HAJI IBRAHIM  
PEMANGKU PENGARAH PERHUTANAN**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Taman Rekreasi Hutan Berakas  
Selasa, 21 Mac 2017M /  
22 Jamadilakhir 1438H

## **Bismillahir Rahmannir Rahim**

Alhamdulillahi Rabbil ‘Aalameen, Wassalatu  
Wassalamu ‘Alaa Asyrafil Ambiya Hewal-  
Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa ‘Alaa  
Aalihie Wasahbihie Ajma’een

Segala puji-pujian dan syukur kehadrat Allah  
Subhanahu Wataala yang Maha Pengasih Lagi  
Maha Penyayang kerana di atas limpah kurnia  
RahmatNya jua, dapat kita semua dikurniakan  
kesihatan dan kekuatan untuk berhimpun  
beramai-ramai pada hari yang berbahagia ini,  
iaitu sempena menyambut dan meraikan Majlis  
Sambutan Hari Hutan Antarabangsa kali ke-34 di  
dalam suasana yang penuh meriah dan ceria di  
pagi ini.

Selawat dan salam keatas junjungan besar kita iaitu Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wassalam, kaum kerabat dan para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Dikesempatan ini, terlebih dahulu saya dengan tulus ikhlas, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih, kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan serta pengusaha-pengusaha sektor perhutanan, di atas kesudian hadir ke Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2017 yang penuh berkebajikan ini. Sesungguhnya, kehadiran abiskita semua ini menunjukkan semangat kesatuan dan perpaduan dalam sama-sama kitani memelihara, mengurus dan membangun khazanah sumber alam semulajadi hutan yang tak ternilai ini.

Hadirin-Hadirat yang saya hormati sekalian,

Tujuan sambutan ini diadakan selain untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan, ianya juga bertujuan untuk kita bersama-sama berkongsi-kongsi faedah yang boleh diperolehi daripada sumbangan hutan itu, sebagai sumber tenaga *renewable* yang asli dari alam semula jadi.

Tema sambutan bagi Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini ialitu ***Forests and Energy: Nature's Powerhouse.*** Tema ini adalah untuk mengetengahkan peranan hutan yang berupaya menghasilkan kitaran tenaga, yang menyumbang kepada perkhidmatan ekosistem (*ecosystem services*). Perkhidmatan itu antara lain adalah seperti penghasilan sumber makanan dan perubatan, kesinambungan di dalam iklim dan

kitaran air, keseimbangan ekosistem alam secara menyeluruh dan juga faedah-faedah lain yang boleh diperolehi daripada kitaran tenaga yang terhasil, sudah pasti tidak terkecuali berapa pentingnya nilai-nilai pembelajaran dan penyelidikan kepada manusia.

Selain daripada itu, dengan kecanggihan tinggi teknologi moden pada masa kini, peluang untuk penghasilan produk-produk adalah lebih cerah dan meluas bagi memunafaatkan sumber-sumber hutan. Ini secara tidak lansung boleh membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha untuk meneroka dan berkecimpung didalam sektor perhutanan seperti kaedah mengunapakai bahan-bahan kayu sebagai bahan tenaga alternatif yang lebih mesra alam dan berdaya tahan.

Hadirin-Hadirat yang saya hormati sekalian,

Baru-baru ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan secara rasminya telah melancarkan Pelan Strategik Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi tahun 2016-2020. Pelan strategik ini adalah panduan bagi meningkatkan sumbangan Kementerian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Untuk makluman, empat (4) elemen-elemen utama strategik pelan itu adalah bagi meningkatkan pertumbuhan keluaran, produktiviti, berorientasikan eksport dan berdayatahan.

Sehubungan dengan itu juga, misi dan visi Jabatan Perhutanan kini lebih menjurus kepada meningkatkan pertumbuhan industri sumber hutan yang berdaya tahan. Pada masa yang sama,

penggunaan teknologi yang tinggi mampu meningkatkan produktiviti yang fokus kepada produk pasaran ekspot tanpa mengabaikan pemuliharaan dan melindungi sumber hutan Negara secara berterusan. Dengan pengurusan hutan yang lestari ini, kita mampu untuk mengimbangi kepentingan sosial ekonomi dan alam sekitar demi kesejahteraan rakyat dan Negara.

Pelan strategik ini, In Shaa Allah kita manfaatkan bersama kepada semua warga Jabatan Perhutanan termasuk mereka-mereka, iaitu pengusaha-pengusaha sektor perhutanan di setiap daerah Negara Brunei Darussalam. Justeru itu nanti, dapatlah kita semua sama-sama mengambil maklum dan tindakan susulan atas perkara tersebut, dalam usaha kearah merealisasikan misi dan visi Jabatan. In Shaa

Allah dengan hasil usaha gigih dan penglibatan dedikasi dari semua pihak, apa yang kita hasratkan ini akan dapat menyumbang kepada kejayaan bagi merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Hadirin-Hadirat yang saya hormati sekalian,

Dikesempatan pada pagi yang berbahagia ini, saya dengan amat berbesar hati dengan ini memaklum dan mengisyiharkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam Jabatan Perhutanan atau ringkasnya JPB-JPH, telah pun tertubuh. Dengan tertubuhnya Jawatankuasa ini maka ianya memudahkan pihak pengurusan Jabatan menangani permasalahan bencana alam sekiranya berlaku di dalam kawasan-kawasan hutan khususnya di Hutan

Simpan dan Ladang Hutan *Inter-Reverine Zone*,  
IRZ.

Keahlian Jawatankuasa bencana ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan di keempat-empat daerah yang dilantik. Berdasarkan pelantikan itu juga, mereka ini secara lansung merupakan wakil Jabatan keatas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah yang komited dalam apa jua pelan tindakan dan program pemulihan yang disediakan mengikut tempoh seperti yang dirancang.

Hadirin-Hadirat yang saya hormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin merakamkan penghargaan sekalung ucapan tahniah dan syabas kepada ahli

jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan di atas kehadiran abiskita semua bagi sama-sama merai dan memeriahkan majlis sambutan pada pagi ini.

Saya dengan rasa penuh berharap agar, komitmen, sokongan dan kerjasama sebegini akan terus dihulurkan bagi sama-sama menjayakan pencapaian matlamat Jabatan Perhutanan khususnya dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan umumnya.

Sekian sahaja, saya akhiri ucapan saya ini dengan lafaz,

Wabillahi              Taufiq              Wal-hidayah,  
Wassalamualaikum              Warahmatullaahi  
Wabarakaatuh.